

**Pakatan Pembangkang Selangor Akan Bentang Kad Laporan
Bernama
25 April, 2013**

SHAH ALAM, 25 April (Bernama) -- Pakatan pembangkang akan membentangkan kad laporan pentadbirannya di Selangor.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata kad laporan itu akan dibentangkan sempena siri jelajah manifesto pakatan pembangkang pada 1 Mei di Klang.

Bercakap pada sidang akhbar di sini Khamis, beliau turut meminta rakyat tampil membuat laporan dan memberi maklumat jika ada calon dari mana-mana parti politik mahupun ejen parti politik menawarkan wang tunai ketika berkempen.

"Laporan boleh dibuat kepada saya, SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) dan polis. Saya berharap Transparency International memantau isu ini supaya pilihan raya dijalankan secara adil dan bebas," katanya.

Abdul Khalid berkata pakatan pembangkang turut mengutuk kejadian letupan di Nibong Tebal, Pulau Pinang dan di Sekinchan, Selangor dan menggesa polis menjalankan siasatan terhadap kejadian itu.

Pada Selasa lepas, ceramah anjuran Barisan Nasional (BN) Nibong Tebal dicemari insiden letupan yang berlaku di belakang pentas bilik gerakan parti itu semasa Pengerusi Gerakan Pulau Pinang Datuk Dr Teng Hock Nan menyampaikan ceramah.

Kejadian kira-kira 10.15 malam itu menyebabkan seorang petugas keselamatan cedera di kaki kanan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945182>